

GUIDELINES COMPLIANCE ON ENTERTAINMENT CONTROL IN KELANTAN

PEMATUHAN GARIS PANDUAN TERHADAP KAWALAN HIBURAN DI KELANTAN

Nurul Shuhada' Balqis Zulkarnainiⁱ & Mohd Nasran Mohamadⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. P125492@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Profesor, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nasran@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 1 September 2025

Revised: 23 December 2025

Accepted: 15 March 2026

Abstract	<p><i>Entertainment is not a foreign concept to the general public. In fact, several studies have shown that entertainment is a fundamental aspect of human life. Islam itself does not prohibit entertainment, provided that it adheres to the boundaries prescribed by Shariah law. Nevertheless, in today's increasingly complex socio-cultural environment, many members of the Muslim community; particularly among the youth, have become influenced by Western cultural norms, especially the hedonistic lifestyle. In response to this, the Kelantan State Government has established specific guidelines and enacted legislation concerning cultural, artistic, and entertainment-related activities. Thus, this study aims to evaluate the effectiveness of enforcement mechanisms and the level of compliance by event organisers and the general public with the guidelines issued by the Kelantan State Government. The primary objective is to ensure that entertainment activities are conducted in accordance with Islamic principles and within the legal framework provided. A qualitative methodology was employed in this study, including document analysis of official circulars, gazettes, enactments, and state-issued guidelines. Additionally, the research involved library-based study and fieldwork, including interviews with relevant government officers. It is hoped that this study will contribute to academic discourse in the fields of arts and entertainment from an Islamic perspective, while also enhancing public understanding of the principles governing permissible forms of entertainment in Islam. Findings indicate that the existing legal frameworks and guidelines have played a significant role in regulating entertainment activities in Kelantan, ensuring they remain consistent with Islamic values. However, the study also identifies several challenges, such as inadequate monitoring of non-compliant organisers and inconsistencies in the implementation and enforcement of the established guidelines.</i></p> <p>Keywords: <i>Entertainment, Shariah, Compliance, Effectiveness, Kelantan.</i></p>
Abstrak	<p><i>Hiburan bukanlah aktiviti yang asing dalam kalangan masyarakat awam, bahkan terdapat kajian mengatakan manusia ini memerlukan hiburan dalam hidup. Islam sama sekali tidak melarang manusia untuk berhibur asalkan mengikut batas syarak yang telah digariskan. Namun pada zaman yang serba mencabar ini, masyarakat Islam terutamanya golongan muda</i></p>

sudah terjebak dengan pengaruh budaya Barat yang melalaikan seumpama budaya Hedonisme. Justeru Kerajaan Negeri Kelantan telah menyediakan garis panduan serta Enakmen khusus berkaitan dengan aktiviti atau konsert yang berbentuk kebudayaan, kesenian dan hiburan. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji tahap keberkesanan penguatkuasaan, pematuhan pihak penganjur dan masyarakat awam terhadap garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi memastikan aktiviti hiburan yang dianjurkan mengikut syariat Islam dan tidak melanggar garis panduan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan membuat analisis dokumen daripada surat pekeliling, warta, enakmen dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, kaedah perpustakaan serta kajian lapangan melalui temubual pegawai yang terlibat. Diharapkan agar kajian ini dapat membantu para pengkaji berkaitan kesenian dan hiburan seterusnya menambahkan lagi kefahaman berkenaan garis panduan berhibur dalam Islam kepada masyarakat awam. Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang serta garis panduan berhibur telah membantu mengawal aktiviti hiburan di Kelantan dengan memastikan ia selaras dengan prinsip Islam. Namun, terdapat cabaran dalam penguatkuasaan kerana kekurangan pemantauan terhadap penganjur yang tidak mematuhi garis panduan serta berlakunya ketidakseragaman dalam pelaksanaan dan pemantauan.

Kata kunci: Hiburan, Syarak, Pematuhan, Keberkesanan, Kelantan.

PENDAHULUAN

Hiburan dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-lahwu*, iaitu perkara yang mengasyikkan dan memberi kebahagiaan kepada manusia sehingga mampu terlupa akan masalah yang mengganggu (Mustofa Al-Khin et al, 2011). Hiburan juga boleh diertikan sebagai persembahan yang melibatkan perbuatan, pertuturan, mimik menggunakan objek tertentu bertujuan untuk memberi ketenangan, ketenteraman, kegembiraan dan kebaikan (JAKIM, 2014).

Ini kerana kehidupan kita di atas muka bumi bukanlah semata-mata untuk melakukan ibadah di masjid, berzikir atau membaca al-Quran sepanjang masa akan tetapi juga memerlukan kepada hiburan selagi mana ianya tidak melampaui batas. Dr Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya bertajuk '*al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*' menyatakan bahawa hiburan adalah diharuskan kerana boleh menggembirakan hati, merehatkan minda, menyenangkan jiwa dan menyedapkan pendengaran dengan syarat tidak dicampuri kata-kata kotor, keji atau yang boleh menimbulkan perbuatan dosa (Al-Qaradawi, 2013).

Berdasarkan definisi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa skop berhibur dalam Islam sangatlah luas dan Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk berhibur. Hukum asal bagi hiburan itu adalah harus, sehinggalah ia dicemari dengan perkara-perkara yang boleh mengundang kepada pengharamannya seperti pergaulan bebas luar batasan antara lelaki dan wanita, atau mengandungi lirik lagu yang lucah menggambarkan struktur tertentu tubuh wanita atau dicemari dengan dadah, arak dan perjudian.

Islam juga turut memberikan satu garis panduan secara umum agar kita boleh menilai setiap hiburan yang kita lakukan (Azri Bhari, 2023). Allah SWT menjelaskan pensyariatannya hiburan dalam Islam. Firman Allah Taala:

﴿وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ هَؤُلَاءِ انْفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهِ هَؤُلَاءِ وَاللَّهُ خَيْرٌ

الرَّزْقِينَ﴾

Maksudnya, "Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baharu tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar - berkhotbah). Katakanlah (wahai

Muhammad: "Pahala - balasan) yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu; dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki" (al-Quran. Al-Jumu'ah: 11).

Penulisan ini secara asasnya membincangkan kajian berkaitan garis panduan dan penguatkuasaan undang-undang kawalan hiburan di Negeri Kelantan. Penguatkuasaan undang-undang ini telah menjadi isu penting dalam memastikan kesejahteraan sosial yang selari dengan prinsip syariat Islam. Dalam konteks ini, kajian ini berfokus untuk menilai sejauh mana keberkesanan penguatkuasaan peraturan hiburan oleh pihak berkuaserta kepatuhan pihak penganjur dan masyarakat awam terhadap garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Aktiviti hiburan merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat, khususnya dalam menyokong industri pelancongan, seni dan budaya. Namun demikian, pelaksanaannya perlu dikawal secara sistematik bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan nilai agama, norma masyarakat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Dalam konteks Malaysia, kawalan terhadap aktiviti hiburan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, yang bertanggungjawab menggubal dasar, menetapkan garis panduan serta melaksanakan penguatkuasaan melalui agensi berkaitan. Di negeri Kelantan, pendekatan kawalan hiburan dilaksanakan berasaskan prinsip Islam yang menekankan aspek kesopanan, pemeliharaan akhlak dan kesejahteraan sosial.

Sehubungan itu, pelbagai garis panduan telah diperkenalkan bagi memastikan setiap aktiviti hiburan yang dianjurkan mematuhi kehendak syariah dan peraturan negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan garis panduan tersebut sering berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dari aspek pematuhan dalam kalangan penganjur hiburan.

Isu seperti ketidakpatuhan terhadap syarat penganjuran, kekangan pelaksanaan serta perbezaan tafsiran terhadap garis panduan menunjukkan bahawa kawalan hiburan bukan sahaja bergantung kepada peraturan yang digubal, tetapi juga kepada tahap pemahaman dan kerjasama pihak berkepentingan. Oleh itu, penelitian terhadap aspek pematuhan garis panduan menjadi penting bagi menilai keberkesanan sebenar penguatkuasaan kawalan hiburan di Kelantan.

Dalam konteks di Negeri Kelantan khususnya, terdapat undang-undang yang berperanan bagi mengawal pelaksanaan berkaitan penguatkuasaan hiburan iaitu Enakmen Kawalan Hiburan 1998. Penulisan ini juga bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan kepentingan Enakmen Kawalan Hiburan di Kelantan yang mana ianya dalam proses pindaan dan pemerkasaan semula setelah dibincangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 8 Mei 2024 (Fadzli Hassan, 2024) serta dasar-dasar lain yang turut menjadi garis panduan dalam penguatkuasaan kawalan hiburan.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap keberkesanan penguatkuasaan dari sudut pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama PBT dan JAHEAIK. Selain itu, kajian bertujuan mengukur sejauh mana pematuhan pihak penganjur dan masyarakat awam terhadap garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi memastikan aktiviti hiburan yang dianjurkan mengikut syariat Islam dan tidak melanggar garis panduan yang telah ditetapkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang mengumpulkan data menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual. Penulis memilih pendekatan kualitatif untuk mendalami pandangan dan pengalaman penguatkuasa kerajaan tempatan, ahli masyarakat serta penganjur aktiviti mengenai penguatkuasaan hiburan di Kelantan.

Selain itu, pendekatan kualitatif digunakan kerana ia lebih sesuai untuk memahami secara mendalam fenomena penguatkuasaan kawalan hiburan di Kelantan dari perspektif pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung, seperti penguatkuasa, penganjur

hiburan dan pihak berautoriti agama dengan membuat analisis dokumen daripada surat pekeliling, warta, enakmen dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, kaedah perpustakaan serta kajian lapangan melalui temubual pegawai yang terlibat.

Dua orang responden yang terdiri daripada penolong pengarah bahagian operasi JAHEAIK dan wakil bahagian perundangan Kerajaan Negeri Kelantan telah ditemu bual secara langsung. Keduanya dipilih berdasarkan pengalaman dan bidang yang berkait rapat dengan penguatkuasaan kawalan hiburan ini. Beberapa bahan rujukan diambil dari Al-Quran serta beberapa artikel ilmiah yang mengupas berkaitan perbahasan para sarjana terhadap aspek hiburan dan kesenian. Penyelidik terlebih dahulu merujuk bahan bacaan artikel di samping menggunakan perisian komputer untuk mencari ayat-ayat yang berkaitan dan bersesuaian.

GARIS PANDUAN HIBURAN MENURUT ISLAM

Islam membenarkan hiburan akan tetapi perlulah kita ingat bahawa Islam tidak pernah membuka ruang hiburan dengan seluas-luasnya sehingga tidak ada batasan sama sekali. Sekiranya diteliti, tidak ada ayat-ayat Al-Quran mahupun sunnah Nabi SAW yang melarang hiburan dan sukan, kecuali hiburan itu bercampur dengan perkara yang diharamkan syarak (Al-Qaradhawi, 2014). Berikut adalah beberapa garis panduan bagi aktiviti hiburan serta konsert dengan mempertimbangkan prinsip-prinsip Islam.

GARIS PANDUAN SECARA UMUM

1. Sebarang bentuk hiburan tidak boleh bercanggah dengan Al-Quran dan Sunnah.
2. Hiburan dalam bentuk menghina, menjatuhkan maruah atau membuka aib seseorang adalah ditegah di dalam Islam.
3. Hiburan yang menyerupai agama lain dari sudut pegangan ataupun ibadah mereka adalah dilarang sama sekali.
4. Hiburan yang tidak mendatangkan faedah sama sekali maka ia juga dilarang didalam Agama Islam.
5. Hiburan yang mengenakan orang (*prank*) agar mereka takut atau terkejut tidak dibenarkan didalam Islam. Seperti mana sabda Baginda Rasulullah: *Tidak halal bagi seorang muslim menakut-nakutkan muslim yang lain - [HR Abu Daud 4351]*.

Saya berpandangan bahawa hiburan yang dibenarkan ialah hiburan yang menenangkan jiwa, tidak melalaikan daripada tanggungjawab agama, serta tidak melibatkan unsur maksiat seperti arak, pergaulan bebas, atau lirik yang merosakkan nilai akhlak. Dalam konteks ini, saya bersetuju dengan pandangan ulama seperti Sheikh Yusuf al-Qaradawi yang menekankan bahawa hiburan harus bersifat mendidik, membina dan tidak menjatuhkan maruah insan.

Tambahan pula, garis panduan hiburan yang digariskan oleh institusi seperti Jabatan Mufti dan Majlis Fatwa Negeri berperanan penting dalam membimbing masyarakat supaya tidak terpengaruh dengan hiburan yang melampaui batas syarak. Saya percaya, jika semua pihak termasuk penganjur, penonton, dan penggiat seni memahami tujuan garis panduan ini, maka hiburan akan menjadi satu platform dakwah dan pembentukan budaya yang sihat mengikut syariat Islam.

GARIS PANDUAN BERKAITAN KONSERT

1. Pemilihan konsert yang tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam serta hindari konsert yang mempromosikan kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam, seperti kegiatan yang berunsurkan hal-hal yang diharamkan dalam Islam.
2. Perhatikan persekitaran konsert aman dan sesuai dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Islam. Hindari tempat-tempat yang mungkin menyebabkan kita terjebak dalam situasi yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

3. Bentuk pemakaian yang sopan dan sesuai dengan nilai-nilai Islam. Elakkan pakaian yang terlalu terbuka dan menampilkan aurat yang seharusnya ditutup menurut Islam.
4. Elakkan interaksi yang tidak perlu dengan lawan jenis yang bukan mahram, seperti bersentuhan kulit dan percakapan yang berlebihan.
5. Pastikan penyusunan dan perancangan waktu yang sesuai sehingga tidak mengganggu solat dan ibadah yang lain.
6. Perhatikan jenis musik dan lirik yang ditampilkan dalam konsert. Elakkan musik yang mempromosikan lirik yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.
7. Suatu persembahan atau konsert yang dijalankan hendaklah tidak berlebih-lebihan sehingga hak-hak Allah dan kewajipan utama yang lain terabai seperti menunaikan ibadah, hak mencari dan memberi nafkah, menuntut ilmu dan sebagainya.

“Tidaklah ada diantara orang Muslim jika tiba waktu solat wajib, lalu dia membungkus wudhuknya, kekhusyukannya, dan ruku'nya melainkan solat itu menjadi penebus dosa-dosa sebelumnya, selagi dia tidak mengerjakan dosa besar, dan itu berlaku selamanya. (HR Muslim)

Islam tidak menolak hiburan secara mutlak, bahkan, hiburan itu adalah satu keperluan fitrah manusia untuk berehat, berhibur, dan menyegarkan emosi. Namun begitu, Islam meletakkan parameter yang jelas bagi memastikan hiburan tidak melalaikan atau menjejaskan akhlak serta pegangan akidah umat Islam. Inilah yang menjadi asas kepada garis panduan hiburan dalam Islam.

Islam menegaskan pendekatan yang seimbang antara keperluan berhibur dan tanggungjawab menjaga akhlak dan kehormatan. Garis panduan ini bukanlah sebagai penghalang kemahuan anak muda terutamanya, akan tetapi merupakan satu sempadan yang membentuk hiburan menjadi lebih beretika dan bersyariat bertanggungjawab. Sebagai umat Islam, sangat penting untuk kita menjaga kesedaran dan keseimbangan antara kesenangan dunia dan kepatuhan kepada Islam.

GARIS PANDUAN DAN ENAKMEN HIBURAN DI KELANTAN

Islam tidak melarang aktiviti hiburan secara terus kerana ia bukanlah perkara yang bijaksana, akan tetapi diberi penjelasan terperinci berkenaan syarat dan garis panduan yang betul (Ahmad Sarwat, 2011). Garis panduan yang disediakan bertujuan membantu kelancaran majlis dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak serta sejauh mana keprihatinan pihak penganjur terhadap syarat-syarat yang telah disediakan.

Dalam konteks di Negeri Kelantan khususnya, terdapat Enakmen serta garis panduan yang berperanan untuk mengawal pelaksanaan berkaitan dengan hiburan antaranya iaitu Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Enakmen ini telah digubal dan diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) pada 29 Oktober 1998.

Enakmen Kawalan Hiburan ini bertujuan untuk mentertibkan tatalaku rakyat dalam hiburan yang mana ianya masih dalam proses semakan semula serta dasar-dasar lain yang turut menjadi panduan dalam penguatkuasaan kawalan hiburan. Seterusnya, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mewujudkan Dasar Kebudayaan dan Kesenian sejak tahun 1993 lagi.

Prinsip utama dasar ini bertujuan untuk menjaga akidah masyarakat bermula dengan niat dan tujuan mestilah ke arah mencapai keredhaan Allah SWT. Selain itu, amalan yang bercanggah dengan syariat mestilah dihapuskan dan diganti dengan amalan yang menepati syarak. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri Kelantan telah mewujudkan satu peraturan baru iaitu Garis Panduan Persembahan Kesenian dan Hiburan 2003 bagi memperkasakan lagi penguatkuasaan serta kawalan terhadap hiburan di Kelantan khususnya.

Ia merupakan garis panduan kepada pihak berkuasa tempatan, penggiat seni dan orang awam bagi menjelaskan beberapa jenis hiburan tradisional yang perlu dikawal selia mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Aktiviti atau konsert hiburan ini ada kebaikan dan keburukan masing-masing, malahan juga boleh menjadi penyumbang utama kepada keruntuhan moral sesetengah masyarakat (Mohd Asri & Shukeri, 2020). Oleh itu, semua garis panduan dan dasar yang dapat membentuk nilai moral dan sahsiah masyarakat adalah sesuatu yang wajar diambil peranan oleh semua pihak terutamanya pihak yang beautoriti.

PERANAN GARIS PANDUAN DALAM MENGAWAL AKTIVITI HIBURAN DI KELANTAN

Kawalan terhadap Jenis Hiburan

Kelantan mempunyai peraturan ketat dalam menentukan jenis hiburan yang dibenarkan dan dilarang. Hiburan yang mengandungi unsur khurafat, syirik, perjudian, dan maksiat adalah tidak dibenarkan. Antara aktiviti hiburan yang dilarang termasuk Main Puteri dan Pelaga Binatang, yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Selain itu, hiburan malam yang melibatkan tarian dan muzik yang berunsur negatif turut dikawal ketat bagi mengelakkan percampuran bebas antara lelaki dan wanita.

Sekatan terhadap jenis hiburan di Kelantan bertujuan menjaga ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat. Namun, Ahmad (2020) menyatakan bahawa kawalan ketat ini juga memberi kesan terhadap industri hiburan, termasuk sekatan terhadap persembahan seni tradisional yang boleh menyumbang kepada sektor pelancongan. Kawalan ini bukanlah bertujuan untuk menyekat perkembangan seni sepenuhnya, tetapi lebih kepada menyusun semula corak hiburan agar ia lebih selaras dengan budaya tempatan dan syariat Islam.

Malah, jika persembahan seni tradisional dipersembahkan dalam acuan yang mematuhi garis panduan agama, ia boleh menjadi salah satu tarikan pelancongan yang unik, membezakan Kelantan sebagai destinasi budaya Islam yang memelihara warisan dan moraliti secara seimbang.

Etika Persembahan dan Pemakaian

Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan kod etika persembahan yang harus dipatuhi oleh semua artis dan penganjur acara hiburan. Artis beragama Islam diwajibkan menutup aurat, manakala artis bukan Islam perlu berpakaian sopan dan tidak memakai pakaian yang terlalu ketat atau jarang. Selain itu, lirik lagu yang mengandungi unsur tidak sopan atau merangsang ke arah maksiat adalah tidak dibenarkan dalam persembahan.

Kajian oleh Fatimah (2021) menunjukkan bahawa garis panduan etika persembahan membantu mengawal norma sosial di Kelantan. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan peraturan ini sering menghadapi cabaran apabila terdapat penganjur luar yang tidak memahami peraturan yang dikenakan dan gagal mematuhiinya. Saya berpendapat bahawa ketetapan kod etika persembahan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini mencerminkan usaha untuk menjaga kesesuaian budaya dan prinsip syariah dalam ruang hiburan.

Penekanan terhadap pakaian yang menutup aurat bagi artis Muslim, dan kesopanan berpakaian bagi artis bukan Islam, adalah satu bentuk pengawalan yang bertujuan mengekalkan suasana persembahan yang bermaruah dan menghormati sensitiviti masyarakat setempat. Namun dalam masa yang sama, saya percaya bahawa pelaksanaan garis panduan ini perlulah disertai dengan pendekatan pendidikan dan kefahaman, bukan sekadar penguatkuasaan.

Penganjur dan artis perlu diberikan penerangan jelas mengenai sebab-sebab etika ini digariskan, agar wujud rasa tanggungjawab bersama dalam memastikan acara hiburan berjalan harmoni dengan nilai setempat.

Kawalan Waktu Hiburan

Selain kawalan terhadap jenis hiburan dan etika persembahan, Kerajaan Negeri Kelantan juga menetapkan had waktu hiburan bagi memastikan kegiatan hiburan tidak bercanggah dengan amalan keagamaan. Antara sekatan waktu hiburan yang ditetapkan termasuk:

- i. Larangan hiburan pada malam Jumaat, iaitu dari 6.00 petang Khamis hingga 6.00 petang Jumaat.
- ii. Larangan hiburan pada hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, Aidilfitri, Aidiladha dan sepanjang bulan Ramadan.

Sekatan ini bertujuan untuk memastikan masyarakat memberi keutamaan kepada ibadah dan mengelakkan pengaruh negatif hiburan terhadap kesejahteraan sosial. Namun, penganjur sering mengemukakan rayuan untuk kelonggaran terutama bagi acara yang telah mendapat permit khas daripada pihak berkuasa.

Penetapan had waktu hiburan oleh Kerajaan Negeri Kelantan merupakan langkah yang wajar dan seimbang antara hiburan dan tuntutan keagamaan. Langkah ini saya lihat sebagai satu usaha *proaktif* untuk memastikan masyarakat tidak terlalu hanyut dalam hiburan sehingga mengabaikan kewajipan agama, khususnya pada waktu-waktu yang dianggap suci atau penuh keberkatan seperti malam Jumaat, bulan Ramadan, dan hari-hari kebesaran Islam yang lain.

Penguatkuasaan dan Hukuman

Penguatkuasaan garis panduan hiburan di Kelantan dilakukan melalui mekanisme pelesenan dan pengawasan oleh pihak berkuasa. Pihak berkuasa boleh mengenakan tindakan terhadap penganjur yang gagal mematuhi garis panduan yang ditetapkan, termasuk:

- i. Denda sehingga RM10,000 atau hukuman penjara sehingga tiga tahun bagi pelanggaran garis panduan hiburan.
- ii. Pembatalan permit hiburan bagi penganjur yang berulang kali gagal mematuhi peraturan.

Kajian oleh Ahmad (2020) menyatakan bahawa hukuman yang dikenakan bertujuan memastikan kepatuhan tinggi terhadap garis panduan hiburan dan mencegah penganjuran hiburan yang boleh menjejaskan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun, kajian oleh Ismail (2018) menunjukkan bahawa kelompongan dalam pelaksanaan sering menyebabkan peraturan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, terutama dalam acara hiburan yang dianjurkan oleh pihak swasta tanpa pemantauan ketat.

BUDAYA HEDONISME

Menurut Kamus Dewan (2010), budaya hedonisme merupakan ajaran atau pandangan bahawa kesenangan atau kenikmatan merupakan tujuan hidup dan tindakan manusia. Islam sangat mengambil berat berkenaan budaya hedonisme kerana ianya merupakan pemikiran yang cuba mengganggu-gugat umat Islam terutamanya dalam diri generasi muda kini. Pada masa kini masyarakat banyak terpengaruh dengan budaya Barat menjadikan mereka lalai serta melampaui dalam berhibur. Mereka gagal memahami konsep berhibur yang sebenar dalam Islam yang sekadar memenuhi fitrah manusia.

Meskipun budaya hedonisme telah wujud di Eropah sejak kurun ke-14 sehingga kurun ke-15 (Syaidatana Siti Aishah & Mohd Rizal, 2023), namun kini budaya tersebut semakin kuat tersebar ke serata dunia. Budaya hedonisme ikutan Barat ini telah merosakkan nilai-nilai murni dan adab masyarakat Melayu yang telah diwarisi sejak sekian lama oleh nenek moyang kita.

Sebagai umat Islam, perlu lebih menumpukan kebersihan dan kemurniaan hati yang dipandu oleh syariat seterusnya membawa kepada tingkah laku serta budi pekerti yang mulia. Pendidikan akhlak sedari kecil merupakan persediaan yang ampuh bagi para remaja dalam mendepani cabaran yang dicituskan oleh budaya hedonisme.

Lebih membimbangkan, budaya ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang menekankan keseimbangan antara kenikmatan dunia dan tanggungjawab akhirat. Islam tidak melarang hiburan atau keseronokan selagi ia berada dalam batas syarak, tetapi hedonisme mengangkat keseronokan sebagai matlamat hidup, sekali gus mengabaikan nilai spiritual, kesederhanaan, serta akhlak mulia yang ditekankan dalam Islam. Maka, penyebaran budaya ini sewajarnya diteliti semula agar tidak menjejaskan jati diri umat dan ketahanan budaya Islam dalam masyarakat kita.

CABARAN DAN ISU PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN HIBURAN

Pelaksanaan dasar penguatkuasaan hiburan berbentuk Islamik di Kelantan menghadapi pelbagai cabaran yang menyukarkan usaha untuk mencapai keberkesanan dalam menjaga keharmonian sosial dan pemeliharaan maqasid syariah. Antara isu utama yang perlu diberikan fokus adalah ketidakconsistenan dalam penguatkuasaan undang-undang hiburan yang membawa kepada kesan negatif terhadap objektif keseluruhan dasar tersebut.

Beberapa cabaran dan isu yang perlu ditangani termasuklah kekurangan sumber, ketidakseragaman dalam penguatkuasaan undang-undang serta pengaruh luar yang boleh mencacatkan penguatkuasaan.

Ketidakeragaman dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

Salah satu cabaran utama dalam penguatkuasaan undang-undang hiburan adalah ketidakseragaman antara penguatkuasa yang berbeza, seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi kerajaan negeri. Setiap pihak mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap bentuk hiburan yang patut dikawal atau dibenarkan. Ketidakeragaman ini boleh menyebabkan penguatkuasaan yang longgar di sesetengah kawasan dan lebih ketat di kawasan lain, mengakibatkan ketidakadilan kepada pihak yang terlibat.

Menurut Zainuddin & Yaacob (2021) menunjukkan bahawa ketidakseragaman dalam penguatkuasaan undang-undang hiburan di Malaysia secara amnya disebabkan oleh perbezaan dalam pelaksanaan peraturan penguatkuasaan di antara peringkat negeri dan daerah. Hal ini menyebabkan kesan yang tidak setara dalam kalangan masyarakat, terutama apabila penguatkuasaan tidak dilaksanakan dengan tegas di seluruh negeri. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan hiburan di Kelantan masih berada di tahap yang agak baik dari segi kerjasama antara agensi-agensi, antaranya PBT, JAHEAIK, PDRM serta kerajaan negeri sendiri.

Kekurangan Sumber dan Latihan untuk Penguatkuasa

Menurut Mustafa & Ibrahim (2019), kurangnya latihan yang berterusan kepada penguatkuasa menyebabkan mereka kurang efisien dalam mengenal pasti bentuk hiburan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan ini boleh menjerumus kepada penguatkuasaan undang-undang hiburan yang tidak konsisten.

Kekurangan sumber manusia dan latihan khusus untuk penguatkuasa undang-undang hiburan turut menjadi isu besar dalam mewujudkan pelaksanaan peraturan yang konsisten. Di banyak kawasan, pihak berkuasa tempatan mungkin tidak mempunyai cukup kakitangan yang terlatih untuk menangani masalah berkaitan hiburan secara holistik. Selain itu, penguatkuasa yang tidak mempunyai kefahaman mendalam mengenai prinsip Maqasid Syariah mungkin gagal dalam melaksanakan kawalan hiburan yang menepati syariat dan kehendak agama.

Kekurangan sumber tenaga atau dipanggil *main power* merupakan salah satu cabaran terbesar dalam sesebuah organisasi atau agensi. Jadi, bagi memastikan penguatkuasaan yang lebih efisien dan terkawal, peringkat atasan perlulah merekrut lebih lagi anggota masing-masing.

Keterbatasan Keupayaan Menghadapi Pengaruh Luar

Kajian oleh Jamil & Hamid (2018) menunjukkan bahawa peningkatan globalisasi dan penggunaan media sosial yang semakin berleluasa telah menyebabkan peredaran budaya

asing yang boleh menggugat budaya lokal dan agama. Hal ini menyebabkan kerajaan negeri Kelantan sukar untuk mengawal semua bentuk hiburan yang bersifat global, yang tidak mempunyai had geografi dan tidak dapat dikenalpasti dalam penguatkuasaan tradisional.

Dalam konteks negeri Kelantan, kerajaan negeri telah mengambil pendekatan pencegahan melalui kawalan jenis hiburan, waktu, dan etika persembahan bagi menyekat kemasukan budaya asing yang boleh menggugat pemikiran dan gaya hidup masyarakat Islam. Saya melihat pendekatan ini sebagai satu bentuk respon terhadap cabaran globalisasi, yang cuba menyeimbangkan antara keterbukaan teknologi dan pemeliharaan identiti budaya serta agama.

Namun begitu, kawalan ini perlu bersifat mendidik. Dalam menghadapi gelombang media sosial yang membawa budaya luar secara tidak terkawal, masyarakat Kelantan terutamanya anak muda perlukan pendekatan yang bukan sekadar bersifat larangan, tetapi perlu memperkasa kefahaman dan jati diri mereka tentang nilai Islam dan batas hiburan yang dibenarkan.

Kesukaran dalam Menyeimbangkan Kebebasan Individu dan Kepentingan Sosial

Dasar penguatkuasaan hiburan yang ketat juga sering kali berdepan dengan cabaran dalam keseimbangan kebebasan individu dan kepentingan sosial. Sesetengah individu atau kumpulan masyarakat mungkin berpendapat bahawa penguatkuasaan yang ketat terhadap hiburan boleh merampas kebebasan mereka untuk memilih bentuk hiburan yang mereka minati. Ketegangan ini timbul apabila kebebasan peribadi dianggap bertentangan dengan nilai-nilai moral atau agama yang ingin dipertahankan.

Sebagai contoh, Al-Khattab (2020) menegaskan bahawa penguatkuasaan yang terlalu ketat dalam aspek hiburan boleh menimbulkan ketegangan sosial, di mana pemikiran masyarakat yang lebih liberal merasa bahawa hak mereka untuk menikmati hiburan sesuai dengan kehendak mereka tercabar. Hal ini menyebabkan penolakan terhadap undang-undang yang dianggap terlalu mengongkong.

Namun demikian, di Kelantan terutamanya, cabaran ini boleh diatasi melalui Unit Penguatkuasa Pencegahan di bawah JAHEAIK sendiri yang berbentuk khidmat nasihat serta kaunseling di sekolah-sekolah atau institusi pendidikan berfokuskan kepada golongan remaja.

REALITI HIBURAN MASA KINI

Kita perlu bersetuju bahawa realiti hiburan pada hari ini, yang mana sebahagian besar hiburan kita gagal mencapai mengikut matlamat Islam yang sebenar. Bukan sahaja hiburan tersebut gagal memberi ketenangan jiwa dan kedamaian dalam sanubari, malah ia telah mencetuskan kelalaian dan kecelaruan di dalam kehidupan. Faktor yang menyebabkan terjadinya masalah ini kerana hiburan tersebut tidak berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh syariat bahkan hanya bertujuan memenuhi tuntutan hawa nafsu semata-mata (Harussaini Zakaria, 2008).

Hiburan yang ada bukan sahaja tidak mendidik jiwa, malah lebih mendorong kepada kelalaian, maksiat dan pergaulan bebas yang melampau yang akhirnya mengundang kepada gejala sosial yang teruk. Realitinya, hiburan boleh memberi kesan negatif kepada remaja kerana sering kali menampilkan perbuatan yang tidak sihat dan tidak sesuai untuk diikuti.

Hiburan yang melampau juga turut mempengaruhi pemikiran pelajar-pelajar sekolah serta waktu pembelajaran mereka. Hal ini akan menyebabkan mereka ketinggalan di dalam pelajaran sekali gus menurunkan prestasi mereka dalam bidang akademik (Razali et al., 2019). Hal ini tidak boleh terlalu dinormalisasikan kerana ilmu itu sangat penting untuk kita sebagai umat Islam.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang kawalan hiburan di Kelantan dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jabatan agama negeri (JAHEAIK). Dari aspek pelaksanaan,

penguatkuasaan dijalankan melalui mekanisme pemantauan sebelum, semasa dan selepas sesuatu program hiburan berlangsung, termasuk pemeriksaan permit, pemantauan lokasi serta tindakan susulan terhadap pelanggaran syarat penganjuran.

Hal ini menunjukkan bahawa sistem kawalan hiburan di Kelantan mempunyai struktur pelaksanaan yang jelas dan tersusun. Dari sudut pematuhan, dapatan kajian mendapati bahawa tahap pematuhan dalam kalangan penganjur hiburan adalah tidak seragam. Terdapat penganjur yang mematuhi garis panduan sepenuhnya, khususnya penganjur yang mempunyai pengalaman dan kefahaman yang baik terhadap peraturan.

Namun begitu, sebahagian penganjur masih gagal mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan, sama ada disebabkan kekurangan kefahaman, kekangan kos, atau keperluan memenuhi kehendak penonton. Situasi ini menunjukkan bahawa pematuhan bukan sahaja bergantung kepada kewujudan peraturan, tetapi juga kepada tahap kesedaran dan keupayaan penganjur dalam melaksanakannya.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan penguatkuasaan kawalan hiburan, antaranya kekangan sumber manusia, keterbatasan pemantauan di lokasi tertentu serta perbezaan tafsiran terhadap garis panduan antara penganjur dan penguatkuasa. Cabaran-cabaran ini memberi kesan kepada pelaksanaan undang-undang di lapangan dan berpotensi menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan penguatkuasaan yang bersifat mendidik, seperti memberi nasihat dan taklimat kepada penganjur, mampu meningkatkan tahap pematuhan secara beransur-ansur. Pendekatan ini dilihat lebih efektif dalam jangka panjang kerana ia membina kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan penganjur, berbanding pendekatan hukuman semata-mata.

PERBINCANGAN

Kajian berkaitan kawalan hiburan di Malaysia semakin berkembang, khususnya dalam konteks negeri-negeri berteraskan dasar Islam seperti Kelantan, namun penelitian terhadap aspek pematuhan garis panduan oleh penganjur hiburan masih terhad dan belum diterokai secara menyeluruh. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek perundangan, dasar kerajaan negeri serta peranan agensi penguatkuasaan dalam mengawal aktiviti hiburan (Ahmad Roslan, 2017).

Walau bagaimanapun, dimensi pematuhan dalam kalangan penganjur, yang merupakan faktor utama dalam pelaksanaan garis panduan tersebut, kurang diberi perhatian secara mendalam. Selain itu, kajian sedia ada cenderung menilai keberkesanan penguatkuasaan dari sudut struktur dan pelaksanaan dasar, tanpa meneliti secara empirikal pengalaman sebenar penganjur dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Menurut Ismail (2016), keberkesanan sesuatu dasar bukan sahaja bergantung kepada ketegasan penguatkuasaan, tetapi juga kepada tahap penerimaan dan pematuhan pihak yang terlibat. Namun demikian, terdapat kekurangan kajian yang mengupas faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan tersebut, seperti tahap kefahaman terhadap garis panduan, kekangan pelaksanaan, tekanan ekonomi serta interaksi antara penganjur dan pihak berkuasa.

Tambahan pula, dalam konteks Kelantan yang mengamalkan pendekatan kawalan hiburan berteraskan prinsip "Membangun Bersama Islam", masih terdapat kekurangan kajian yang mengkaji secara khusus sejauh mana garis panduan yang ditetapkan dapat dipatuhi oleh penganjur dalam situasi sebenar. Kajian oleh Roslan (2017) misalnya menumpukan kepada peranan garis panduan sebagai instrumen kawalan, namun tidak menghuraikan secara terperinci tahap pematuhan serta faktor yang mempengaruhinya.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam bagi mengisi kelompangan ini, khususnya dengan memberi tumpuan kepada aspek pematuhan penganjur sebagai indikator penting keberkesanan penguatkuasaan. Pematuhan terhadap garis panduan kawalan hiburan di Kelantan merupakan satu isu yang agak kompleks dan memerlukan pendekatan yang sebaiknya.

Di satu pihak, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil langkah serius dalam memastikan aktiviti hiburan yang dianjurkan adalah selaras dengan prinsip syariah dan budaya tempatan melalui Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Namun secara realitinya, pematuhan garis panduan ini tidak berlaku secara seragam dalam kalangan penganjur, artis, dan masyarakat sendiri.

Melihat kepada pelbagai masalah dan isu hiburan yang berlaku melibatkan masyarakat awam khususnya, sebagai contoh pada tahun 2022 iaitu Konsert Rih Sokmo yang diadakan di Ketereh, Kelantan yang mana menampilkan persembahan artis terkenal tanah air. Pada awalnya sudah diasingkan bahagian lelaki dan perempuan akan tetapi berlaku perkara yang tidak terkawal iaitu penonton yang terkinja-kinja serta melampaui batas.

Pihak Berkuasa Tempatan telah mengenakan kompaun terhadap penganjur konsert tersebut kerana gagal mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan walaupun garis panduan sudah pun ditetapkan, masih terdapat pelanggaran yang ketara daripada masyarakat awam.

Antara isu utama yang berjaya dikenal pasti ialah kurangnya kefahaman dalam kalangan penganjur luar mengenai garis panduan yang ditetapkan. Masih terdapat kes di mana artis berpakaian tidak sopan, persembahan yang tidak mematuhi waktu larangan dan penggunaan bahan promosi yang mengelirukan masyarakat, termasuk meletakkan logo rasmi sesuatu agensi, NGO atau kerajaan tanpa kebenaran. Ini menunjukkan bahawa pemantauan dan pendidikan terhadap pihak penganjur perlu ditingkatkan, bukan sekadar penguatkuasaan berbentuk hukuman.

Garis panduan pematuhan ini, sekiranya dikemas kini dan diterapkan dengan bijaksana, boleh menjadi model kawalan hiburan Islamik yang berfungsi dan bukan bersifat penyekatan semata-mata. Penglibatan daripada pelbagai pihak, agensi agama, penggiat seni tempatan, dan NGO belia dalam memperhalusi pelaksanaan garis panduan ini sangat diperlukan agar ia lebih diterima ramai tanpa mengorbankan nilai agama dan moral masyarakat.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang kawalan hiburan di Kelantan berada pada tahap yang memuaskan, namun masih memerlukan pemerkasaan pemantapan mekanisme pemantauan, peningkatan kesedaran penganjur dan masyarakat awam serta penyelarasan antara agensi penguatkuasaan.

Oleh itu, usaha berterusan daripada kerajaan negeri, agensi penguatkuasaan dan penganjur hiburan amat penting dalam memastikan kawalan hiburan dapat dilaksanakan secara efektif serta selari dengan prinsip syariah dan kehendak masyarakat awam. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengembangan ilmu serta menjadi rujukan dalam penambahbaikan dasar dan amalan penguatkuasaan kawalan hiburan di masa hadapan.

RUJUKAN

- Ahmad Sarwat. (2011). *Fiqh al-Hayah: Seri Fiqih Kehidupan (14) : Seni Olahraga Hiburan*. Jakarta: DU Publication.
- Al-Khattab, N. (2020). *Balancing Individual Freedom and Social Order: The Case of Islamic Entertainment Laws*. *Journal of Islamic Studies*, 14(3), 88–102.
- Al-Qaradhawi, Y. (2013). *The Lawful and the Prohibited in Islam*. N. pl: Al-Falah Foundation.
- Azri Bhari. (2023). *Islam Tidak Tolak Hiburan*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2023/06/981814/islam-tidak-tolak-hiburan>
- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman, Norsamsiah Muhamad. (2008). *Kajian Perlaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa Di Universiti Teknologi Malaysia*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan.
- Dasar Kebudayaan dan Kesenian 1993.

- Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan Kelantan 1998.
Enakmen Kawalan Hiburan Kerajaan Negeri Kelantan.
Garis Panduan Persembahan Kesenian dan Hiburan 2003.
Harussaini Zakaria. (2008). *Garis Panduan Karnival Dan Hiburan Yang Dibenarkan Dalam Islam*.
JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). *Garis Panduan Hiburan dalam Islam*. Edisi kedua. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
Jamil, M., & Hamid, A. (2018). *The Impact of Globalization on the Entertainment Culture in Malaysia*. *Global Media Studies*, 6(1), 45–58.
Kamus Dewan. (2010). Edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
Mohd Asri Che Ibrahim & Shukeri b. Mohamad. (2020). *Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2015: Kajian Aspek Penjagaan Akidah Dalam Hiburan*. *Jurnal KIAS*, 12(1), 114-129.
Mohd Fadhli Ghani. (2010). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
Mustafa, H., & Ibrahim, F. (2019). *The Role of Authorities in Enforcing Islamic Entertainment Laws in Malaysia*. *Islamic Law and Society*. 12(4), 67–80.
Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & 'Ali al-Sharbaji. (2011). *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
Qaradawi, Yusuf. (2014). *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
Razali, N. A., Islam, M., Ed, K. A., Seminar, P., Teknologi, S., Rahman, A., Husna, S. N., Kashim, M., Ariff, M. I., & Adnan, M. (2019). *Media Sosial dan Impak Negatif*. 33-48.1(2003).
Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz & Mohd Rizal Abu Bakar. (2023, Januari 6). *Budaya Hedonisme Mengikis Keperibadian Dan Jati Diri*. <https://myref.org.my/2023/01/06/budaya-hedonisme-mengikis-keperibadian-dan-jati-diri/>.
Zainuddin, M., & Yaacob, M. (2021). *Challenges in the Enforcement of Entertainment Regulations in Malaysia*. *Journal of Malaysian Studies*, 15(2), 112–125.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.